

ADUAN

■ KONSERT haram tanpa permit setiap malam selepas pukul 12 tengah malam di Arab Street, Bukit Bintang punca utama kesesakan jalan raya di situ.

019-251XXXX

■ ADA kedai warga asing Pakistan dan Filipina di Kampung Suang Parai dan Pulau Penampang belakang 1 Borneo didakwa menjadi stor rokok seludup warga asing. Dimana penguat kuasa?

WARGA TEMPATAN

■ ADA sebatang pokok yang telah mati dan menunggu masa akan tumbang dan menimpa kereta yang diletakkan di tempat parkir kenderaan awam di Klinik Kesihatan Greentown, Ipoh. Minta pihak berkenaan ambil tindakan segera.

012-508XXXX

■ HARAP Jabatan Pengairan dan Saliran mendalamkan dan meluruskan Sungai Keris, Mukim 9, Minyak Beku, Batu Pahat, Johor. Sungainya terlalu tohor, sempit dan bengkok-bengkok serta menyukarkan perahu melaluinya.

017-726XXXX